

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 April 2010

SOALAN

Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah kes kanak-kanak yang didera oleh ahli keluarga (seperti ibu/ayah) yang terdekat dan berapa kes yang berjaya didakwa di mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Berdasarkan statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kes kanak-kanak didera oleh keluarga terdekat yang telah dilaporkan kepada PDRM bagi tahun 2009 ialah sebanyak satu ratus enam belas (116) kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan (8) kes telah berjaya didakwa di mahkamah.

